

### THE CONTRIBUTION OF KNOWLEDGE AND ISLAMIC SOCIAL DEVELOPMENT ACCORDING TO THE TRADITION OF TOK WAN ALI KUTAN

#### KONTRIBUSI ILMU DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM OLEH WARISAN TOK WAN ALI KUTAN

Amir Sharifuddin Ahmad<sup>i</sup> & Wan Haslan Khairuddin<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Calon Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). amirsharifahmad@gmail.com  
<sup>ii</sup> Pensyarah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). wanhaslan@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 30<sup>th</sup> November 2017

Revised: 12<sup>th</sup> December 2017

Accepted: 2<sup>nd</sup> January 2018

<b>Abstract</b>	<p><i>Tok Wan Ali Kutan al-Kalantānī is an early intellectual scholar in the Malay archipelago, especially in Kelantan. He sacrificed his entire time to serve for Islam by producing quality works in various disciplines. He was a teacher for most Malay intellectual scholars who came to Makkah to pursue religious knowledge. Though, the contribution of his works and skills in the field of scholarly did not stand out as Shaykh Dāwud al-Faṭānī, Shaykh Nawāwī al-Bantanī and others. The main issues that are discussed in this article are; [i] Tok Wan Ali Kutan's background; [ii] Contribution of knowledge by Tok Wan Ali Kutan; and [iii] The foundations of community development by legacy Tok Wan Ali Kutan. This research is a qualitative study (literature) that involves data analysis dan text comparisons. The main sources of this research are his works and related writings on his biography and thoughts. The deductive and thematic approaches are also used as a method in analyzing the data of books related to Tok Wan Ali Kutan. In conclusion, Tok Wan Ali Kutan was an early intellectual who had contributed his thoughts into the production of books in the aspect of theology, hadith and tasawwuf. He was a renowned scholar who made his country proud of him by producing scholars who inherited his knowledge in developing Islamic teachings by opening pondok learning institutions for the development of the Muslim community.</i></p> <p><i>Keywords: Tok Wan Ali Kutan, Biography, Knowledge, Development Society.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Tok Wan Ali Kutan al-Kalantānī merupakan ulama awal di Nusantara khususnya di Kelantan. Beliau mengorbankan seluruh masanya untuk berkhidmat demi agama Islam dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu dalam pelbagai disiplin ilmu. Beliau merupakan guru bagi kebanyakan ulama tanah Melayu yang datang ke Makkah untuk mendalami ilmu agama. Namun, sumbangan karyanya dan ketokohan beliau dalam lapangan ilmu tidak menonjol seperti Shaykh Dāwud al-Faṭānī, Shaykh Nawāwī al-Bantanī dan lain-lain. Isu-isu utama yang</i></p>

<p>menjadi perbincangan dalam makalah ini adalah: [i] Latar belakang Tok Wan Ali Kutan; [ii] Sumbangan keilmuan Tok Wan Ali Kutan; dan [iii] Asas-asas pembangunan masyarakat oleh warisan Tok Wan Ali Kutan. Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang melibatkan kajian analisis data dan perbandingan teks. Sumber utama dalam kajian ini adalah hasil karya beliau dan penulisan yang berkaitan dengannya sama ada berkenaan biografi dan pemikirannya turut dimanfaatkan. Pendekatan deduktif dan tematik juga dijadikan wasilah dalam menganalisis data buku-buku berkenaan Tok Wan Ali Kutan. Kesimpulannya, Tok Wan Ali Kutan adalah ulama awal Kelantan yang menyumbangkan buah fikirannya dengan penghasilan kitab-kitab yang dimanfaatkan dari sudut penulisan karya akidah, hadis dan tasawuf. Beliau berjaya mengharumkan namanya di persada nusantara dengan melahirkan ulama yang mewarisi keilmuannya dalam mengembangkan ajaran Islam dengan membuka pusat institusi pengajian pondok untuk pembangunan masyarakat Islam.</p> <p>Kata kunci: Tok Wan Ali Kutan, biografi, keilmuan, pembangunan masyarakat.</p>
---

## PENDAHULUAN

Mutakhir ini, sumbangan ilmu yang ditinggalkan oleh ulama terdahulu kian terpinggir. Suasana kehidupan hari ini yang dikatakan zaman langit terbuka telah melunturkan semangat masyarakat zaman sekarang untuk menghargai hasil peninggalan khazanah yang berharga yang ditinggalkan oleh ulama melibatkan hasil karya dan mengenali tokoh ulama yang banyak berjasa kepada masyarakat Islam khususnya. Suasana masyarakat yang lebih obsesi terhadap artis, dan melupakan ulama turut mengundang masalah dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, artikel ini akan menyentuh berkenaan dengan seorang tokoh yang berasal dari Kelantan yang berjasa kepada generasi seterusnya. Beliau ialah al-Shaykh Muḥammad bin °Alī bin °Abd al-Raḥman bin °Abd al-Ghafūr al-Kalantānī yang selepas ini disebut sebagai Tok Wan Ali Kutan. Tok Wan Ali Kutan adalah seorang tokoh besar *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* aliran *al-Ash'irah* di rantau asia. Beliau merupakan tokoh awal ulama Kelantan yang sebaris dengan Tok Pulai Chondong, Tuan Tabal dan Haji Abdul Malik Sungai Pinang yang menjadi ulama besar dalam arena pengajian Islam di Kelantan. Hasil daripada titik peluh beliau berkhidmat untuk agama, Tok Wan Ali Kutan berjaya melahirkan beberapa ulama Tanah Melayu yang berjasa kepada masyarakat selepasnya.

Semasa hidupnya, beliau meninggalkan banyak jasa dan menabur bakti kepada masyarakat yang dahagakan ilmu agama agar tidak terpesong jauh dari landasan Islam. Ketokohnya sebagai ulama yang beramal dengan ilmunya disebut oleh masyarakat seperti penulisan karyanya yang berbentuk akidah, hadis dan tasawuf yang berbentuk amalan wirid harian. Terdapat beberapa persoalan berkenaan penulisan artikel ini. Antaranya ialah siapakah Tok Wan Ali Kutan, apakah sumbangan keilmuan Tok Wan Ali Kutan dan bagaimanakah asas-asas pembangunan masyarakat yang telah dibina oleh warisan Tok Wan Ali Kutan.

Persoalan berkenaan dijawab mengikut objektif yang telah disusun mengikut bab yang telah disusun oleh penulis dalam artikel ini. Antara objektif utama dalam kajian ini adalah untuk memperkenalkan seorang ulama yang menjadi guru bagi kebanyakan ulama tanah Melayu iaitu Tok Wan Ali Kutan. Yang kedua ialah untuk melihat sumbangan keilmuannya kepada masyarakat Islam yang melibatkan hasil peninggalan karyanya. Akhirnya, meninjau apakah pembangunan masyarakat yang telah dilakukan oleh warisan ilmu, anak murid Tok Wan Ali Kutan terhadap masyarakat Islam.

Justeru, penulisan artikel ini adalah penting kerana memperkenalkan seorang sarjana dalam lapangan ilmu yang telah mendapat sanjungan dan pengiktirafan daripada pelbagai pihak di samping memperkayakan khazanah ilmu yang mana hasilnya

memberi impak yang besar kepada masyarakat pada hari ini khususnya yang hidup dalam suasana yang mencabar.

### **LATAR BELAKANG TOK WAN ALI KUTAN**

Tok Wan Ali Kutan adalah salah seorang ulama produktif dan alim dalam segenap ilmu antaranya ialah ilmu akidah, hadis dan tasawuf. Ramai antara muridnya menjadi tokoh ulama dan pembesar hasil tarbiah daripada Tok Wan Ali Kutan semasa di *Makkah al-Mukarramah*. Kebanyakan pengkaji lepas seperti Wan Saghir Abdullah, Ismail Awang, Abdul Razak Mahmud dan lain-lain menyatakan bahawasanya Tok Wan Ali Kutan dilahirkan di negeri Kelantan dalam daerah Pasir Pekan tidak jauh dari Kota Lubang Labu, di tebing Sungai Kelantan pada tahun 1253 Hijrah bersamaan 1837 Masihi.

Kelahirannya diberi nama dengan didahulukan Wan °Alī yang bermaksud Wan yang tinggi. Tok Wan Ali Kutan adalah ulama yang digelar dengan gelaran ‘Tok’ di pangkal namanya yang mana gelaran sebegitu adalah menunjukkan satu bentuk penghormatan yang tinggi yang diberikan oleh masyarakat kepada sesiapa yang alim, menabur jasa kepada masyarakat dan terkenal kerana ketokohan dalam sesuatu bidang ilmu (Yusuff Zaky Yacob, 1988). Ini boleh dilihat sebagai contohnya gelaran kepada orang yang alim dalam bidang nahu, maka digelar kepadanya Tok Nahu dan sebagainya. Manakala gelaran tok yang disandarkan kepada tempat pula contohnya Tok Pulau Chondong.

Semasa hayatnya, beliau telah diasuh oleh orang tuanya untuk menjadi seorang yang berguna kepada masyarakat. Mengikut tradisi ulama nusantara, fasa pengajian awal mereka dimulai belajar dengan ulama di sekitar kawasan tempatnya, kemudian belayar ke Makkah untuk mendalami pengajian ilmu agama seperti yang berlaku kepada Tok Pulau Chondong dan lain-lain. Namun sebaliknya berlaku kepada Tok Wan Ali Kutan sejak kecil lagi telah dibawa oleh ayah, Haji °Abd al-Rahman bin °Abd al-Ghafūr ke tanah suci *Makkah al-Mukarramah* agar benih yang disemai itu benar-benar menjadi seorang ulama yang berwibawa dan mempusakai warisan ilmu yang ditinggalkan oleh para nabi.

Apabila meningkat umur, Tok Wan Ali telah berkahwin dengan seorang gadis yang menetap di Makkah yang bernama Wan Aishah, hasil perkahwinan mereka dikurniakan tiga orang anak iaitu Safiyyah, Fatimah dan Abdul Rahman. Anak beliau yang pertama iaitu yang bernama Safiyyah telah berkahwin dengan Shaykh Nur bin Shaykh Nik Mat Kechik al-Faṭānī, seorang ulama yang tersohor di Makkah. Manakala Fatimah pula berkahwin dengan Shaykh Wan Daud bin Wan Ismail al-Faṭānī, semua perkahwinan anak beliau berlangsung di Makkah dan mereka menetap di sana. Adapun anak tunggal beliau iaitu Abdul Rahman pulang ke Kelantan di kampung asalnya di Kutan (Abdul Razak Mahmud, 2002).

Semasa dalam pengajiannya, Tok Wan Ali telah belajar bersungguh-sungguh mendalami ilmu agama saat ketika mana beliau berpeluang bertemu dan belajar secara langsung dengan tokoh-tokoh besar dalam pengajian Islam ketika itu di *Makkah al-Mukarramah*. Gurunya yang terdiri daripada ulama Melayu dan ulama Arab. Antara guru Tok Wan Ali Kutan yang berasal dari Tanah Melayu ialah Shaykh Nik Dir al-Faṭānī, yang merupakan tokoh besar pada zaman itu yang mewarisi keilmuan Shaykh Dāwud al-Faṭānī (pengarang ulung asia tenggara) (al-Faṭānī 2002: 43).

Selain itu, Tok Pulau Chondong yang disebut secara jelas dalam kitab Tok Wan Ali Kutan yang berjudul *Lum°at al-Awrād* (T.t: 106) menyatakan bahawasanya beliau mendapat ijazah *Hizb al-Bahr* daripada wasilah Tok Pulau Chondong yang menjadi gurunya. Ini menunjukkan Tok Wan Ali Kutan adalah seorang yang mengamalkan tasawuf, *Tariqat al-Shāziliyyah* dalam kehidupannya. Dalam kitab *Lum°ah al-Awrād* Tok Wan Ali menyebut bahawasanya beliau menerima ijazah *Hizb al-Bahr* daripada Shaykh Ahmad bin As°ad al-Dihan kemudian terus kepada Shaykh Abdul Samad Pulau Condong, kemudian diterima daripada Shaykh Abdullah bin Muhammad Saleh, kemudian beliau menerima daripada ayahnya yang bernama Muhammad Saleh bin Abdul Rahman, beliau pula menerima daripada Shaykh al-Muftī Muhammad Saleh bin Ibrahim iaitu seorang mufti mazhab syafie pada zamannya. Susur galur ini terus

bersambung terus kepada pengamal pertama *Hizb al-Bahr* iaitu Shaykh Abī Hasan al-Shāziī.

Guru Tok Wan Ali Kutan yang berbangsa Arab pula yang dapat dicatat adalah Shaykh Muhammad bin Sulaimān Hasb Allāh dan Shaykh Muḥammad Haqq al-Nazilī al-Naqshabandī yang kedua ulama ini adalah ulama yang terkenal pada masa itu. Dalam hal yang sama, dipercayai Shaykh Muḥammad bin °Alī bin °Abd al-Raḥman bin °Abd al-Ghafūr Kutan juga menerima talqin baiah *Tarīqat al-Ahmadiyyah* daripada Shaykh Ibrahim al-Rashidī (Wan Muhammad Shaghir, 2009). Setelah beberapa tahun lamanya Tok Wan Ali Kutan menghabiskan masanya untuk menuntut ilmu di *Makkah al-Mukarramah*, dengan berkat kesungguhannya mendalami ilmu agama, beliau dinobatkan sebagai guru bagi sekalian ulama Melayu yang datang ke *Makkah al-Mukarramah*.

Ilmunya merentas lautan yang menguasai pelbagai cabang ilmu dan menjadi tumpuan golongan cendekiawan dan barisan terpelajar menjadi anak didiknya. Kealaman dan ketinggian ilmunya sehingga boleh dikatakan hampir sekalian tokoh-tokoh besar ulama tersohor menjadi anak murid Tok Wan Ali Kutan. Antara anak murid Tok Wan Ali Kutan yang menjadi tokoh besar adalah seperti berikut (Wan Muhammad Shaghir 2009):

- i. Shaykh Wan Ahmad al-Faṭānī.
- ii. Shaykh Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali).
- iii. Shaykh Ismail bin Haji Senik (Tok Kemuning).
- iv. Shaykh Uthman bin Haji Muhammad (Tok Bachok).
- v. Tok Jelapang.
- vi. Tok Bachok.
- vii. Shaykh Wan Sulaiman (Shaykh al-Islām Kedah).
- viii. Tengku Mahmud Zuhdi (Shaykh al-Islām Selangor).
- ix. Shaykh Haji Abdullah Fahim.
- x. Haji Muhammad bin Muhammad Said Khatib (Dato' Laksamana).
- xi. Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja).

Kehidupan Tok Wan Ali Kutan sepenuhnya berada di Mekah. Beliau menggunakan masanya dengan menuntut ilmu, mengarang kitab dan menyebarkan ilmu kepada anak muridnya yang datang ke Mekah. Setelah banyak menaburkan jasa kepada umat Islam khususnya kepada masyarakat nusantara, akhirnya beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tahun 1331 Hijrah yang bersamaan dengan tahun 1913 Masihi. Beliau dimakamkan di perkuburan *Ma'ala* Mekah (Nik Abdul Aziz Nik Hassan, 1997).

### **Sumbangan Keilmuan Tok Wan Ali Kutan**

Ketokohan Tok Wan Ali Kutan dalam melahirkan ulama yang berjasa kepada masyarakat tidak dinafikan lagi. Selain daripada mengajar, kontribusi Tok Wan Ali Kutan dalam bidang keilmuan khususnya penulisan karya-karya yang bermanfaat juga cukup besar. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawasanya Tok Wan Ali Kutan adalah seorang yang *mutafannīn* (tokoh yang versatil) dalam setiap seni ilmu dan seorang ulama yang produktif dalam penulisan karya.

Kitab yang telah dihasilkan oleh beliau mencakupi segenap ilmu yang mana merangkumi bidang ilmu kalam, hadis, wirid harian dan juga ilmu Bahasa Arab. Karya penulisan adalah satu simbol bagi jati diri dan cara berfikir seseorang, memandangkan bahasa adalah ungkapan-ungkapan yang lahir dari sanubari seseorang. Sejak ratusan dahulu lagi karya dan manuskrip hasil tulisan ulama terdahulu dicetak untuk kegunaan orang ramai sebagaimana yang telah dipelopori oleh ulama rantau Melayu yang lain seperti Shaykh Muhammad Arsyad al-Banjārī melalui karangan tersohornya *Sabil al-Muhtadī*, Shaykh Nawawī al-Bantānī, Shaykh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawī dan lain-lain lagi (Abdul Karim Ali, Baharom Kassim, 2006).

Golongan cerdik pandai dan ulama terdahulu meneruskan legasinya dengan memindahkan ilmunya melalui karya penulisan agar dimanfaatkan oleh golongan yang hidup selepasnya. Ini terbukti apabila kita memerhati dalam daerah masyarakat kita terdapat lagi pengajian-pengajian kitab lama atau pun dikenali dengan kitab kuning masih lagi dipelajari seperti karya Shaykh Dāwud al-Faṭānī melalui kitabnya *Munyat al-Musallī*, kitab *Farīdat al-Farā'id* kitab yang tersohor hasil karangan Shaykh Ahmad Zain al-Faṭānī yang berumur ratusan tahun. Perlu dinyatakan di sini tradisi penulisan dalam bahasa Jawi lama atau Arab karangan ulama nusantara sekian lama telah berlalu seperti kitab terjemahan *Aqā'id al-Nasafiyyah* yang berumur lebih dari empat ratus tahun dan kitab Tauhid yang pertama dikarang oleh Shaykh Muhammad Zayn bin Faqih iaitu berjudul *Bidāyat al-Hidāyah* (Che Razi Jusoh, 2010).

Berikut adalah dua bukti yang mana ulama terdahulu begitu bersungguh-sungguh dalam bidang penulisan bukan sekadar ilmu itu dalam dada-dada mereka. Sama juga seperti Tok Wan Ali Kutan, beliau juga turut memberi sumbangan dalam bidang penulisan dan pendidikan kepada masyarakat yang mana karya-karyanya membahaskan pelbagai disiplin ilmu. Senarai kitab-kitab yang beliau telah hasilkan adalah seperti berikut hasil daripada catatan Wan Saghir (2009) dalam tulisannya yang bertajuk Tok Wan Ali Kutan, guru para ulama Melayu:

- i. *Majma' al-Qasā'id wa 'Awa'id*, 1320 Hijrah/1902 Masihi. Cetakan pertama pada tahun 1321 Hijrah hasil percetakan Matba'ah al-Miriyyah, Makkah al-Mukarramah. Kandungan kitab ini membicarakan berkenaan *Burdah al-Busīrī* yang mana pengarang telah memasukkan unsur-unsur apakah kelebihan membaca dan mengamalkan *Burdah al-Busīrī*. Dalam hal yang lain pula, anak murid Tok Wan Ali iaitu Tok Kenali juga ada menulis berkenaan *Burdah al-Busīrī* yang berjudul *al-Dur al-Mansūr* (Wan Saghir, 2015).
- ii. *Lum'at al-Awrād*, 1311 Hijrah/1894 Masihi. Kandungannya terdiri daripada wirid, selawat dan pelbagai doa. Terdapat pelbagai edisi cetakan antaranya ialah cetakan Matba'ah al-Miriyyah, Makkah, manakala cetakan kedua pula pada tahun 1314 Hijrah. Cetakan Matba'ah al-Ahmadiyyah, Singapura pada tahun 1346 Hijrah. Cetakan terakhir pula diusahakan oleh cucunya iaitu Haji Wan Qadir Daud al-Kalantānī. Kitab ini banyak diamalkan oleh para ulama dan orang awam di rantau Melayu, bagi pengamal-pengamalnya selalu menceritakan akan keberkesanan amalan tertentu yang ditulis oleh Tok Wan Ali Kutan setelah mereka mengamalkan wirid ini secara teratur dan menjadikan amalan rutin harian.
- iii. *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihat al-Qulūb*, 1306 Hijrah/1888 Masihi. Kandungan kitab ini merupakan terjemahan alih bahasa kepada tulisan jawi. Karya asalnya adalah hasil karangan al-Imām Jalal al-Dīn al-Suyūtī. Cetakan pertama kitab ini ditashīh oleh Shaykh Ahmad al-Fatani. Pada cetakan pertama tercantum puisi dalam Bahasa Arab hasil gubahan Shaykh Ahmad al-Fatani yang terdiri daripada 27 bait.
- iv. *Zahrat al-Murīd Fī 'Aqā'id al-Tauhīd*, 1310 Hijrah/1892 Masihi. Kandungan kitab ini membicarakan persoalan berkenaan asas dalam agama Islam iaitu tauhid mengesakan Allah menurut fahaman aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Cetakan pertama kitab ini telah ditashīh oleh Shaykh Ahmad al-Faṭānī iaitu salah seorang anak murid beliau. Di bahagian awal perbicaraan dan khātimah kitab cetakan *Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah*, Makkah 1315 Hijrah terdapat keterangan oleh Shaykh Ahmad al-Faṭānī. Kitab ini terdapat beberapa edisi cetakan di antaranya ialah cetakan *Matba'ah al-Kamaliyyah*, Kota Bharu, Kelantan.

Di atas adalah hasil karya Tok Wan Ali Kutan yang berjaya direkodkan. Bahan bacaan yang telah dihasilkan oleh Tok Wan Ali Kutan ini masih lagi dibaca di pondok-pondok dan pusat pengajian.

## **ASAS-ASAS PEMBANGUNAN MASYARAKAT OLEH ANAK MURID TOK WAN ALI KUTAN**

Negeri Kelantan atau dikenali dengan negeri Serambi Makkah kerana negeri ini adalah tempat tumpuan bagi mereka yang ingin menuntut ilmu agama. Ramai antara ilmuwan sebelum mereka menyambung pengajian mereka di peringkat tertinggi di *Makkah al-Mukarramah* terlebih dahulu mereka melawat Kelantan untuk mendalami ilmu agama dengan tokoh-tokoh ulama yang berada di Kelantan seperti Tok kenali. Perkembangan sejarah kedatangan Islam di Kelantan berdasarkan bukti-bukti yang ditemui oleh ahli sejarah, menunjukkan bahawasanya Islam telah masuk ke negeri Kelantan lebih awal daripada Melaka. Rumusan berkenaan catatan ahli sejarah adalah hasil kesimpulan seperti berikut:

- i. Pembuktian yang dilakukan oleh pakar sejarah menyatakan bahawasanya ajaran Islam yang masuk ke Kelantan adalah hasil daripada pengaruh Islam di negeri Champa, sebuah negeri Melayu di Pantai Timur dan selatan Vietnam sekarang. Bermula dari negeri Champa, Islam turun ke negeri selatan iaitu Fathani, kemudian disusuli dengan negeri Kelantan. Hal ini dibuktikan dari pengembara barat iaitu D'Eredia mengatakan "*Islam masuk ke negeri Fatani dan Pahang terlebih dahulu, baru kemudiannya masuk ke Melaka*". Selain itu, penemuan batu bersurat di negeri Terengganu yang bertarikh pada 1303 Masihi menunjukkan bahawasanya Islam telah memasuki Terengganu dan sebelumnya Kelantan satu abad lebih awal dari Melaka yang bertarikh 1414 Masihi.
- ii. Pandangan yang kedua pula ialah hasil penemuan pada kepingan wang emas yang dijumpai di Kota Kubang Labu iaitu bekas ibu negeri Kelantan Barat pada tahun 1912, tercatat tarikh 577 Hijrah bersamaan 1181 Masihi menunjukkan bahawa kerajaan Islam telah wujud di Kelantan sekaligus menguatkan pendapat yang menyatakan bahawasanya Islam telah sampai ke negeri Kelantan lebih awal daripada Melaka.

Kewujudan masjid tertua di Kelantan iaitu Masjid Kampung Laut, yang berumur lebih kurang 300 tahun yang lampau telah membuktikan perkembangan ajaran Islam di Kelantan giat diperlakukan. Hasil pembuktian yang dijumpai, ada yang berpandangan tarikh penghujung abad ke-18 sebagai titik tolak bagi permulaan sejarah di negeri Kelantan Darul Naim (Abdul Razak Mahmud, 2002). Namun, sebelum kita memasuki perkembangan secara mendalam berkenaan perkembangan Islam sebelum Tok Wan Ali adalah terlebih baik kita menyoroti sejarah negeri Kelantan secara umum pada peringkat awal. Keadaan politik yang bergolak di Kelantan telah berlaku sejak tahun kedua masihi yang diperintah oleh kerajaan Funan hingga zaman era kemunculan Long Yunus pada 1776 Masihi ditabalkan menjadi raja Kelantan setelah mendapat pertolongan daripada kuasa raja Terengganu (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 1987).

Bermula pada era Long Yunus dipercayai telah lahir seorang tokoh antara yang paling awal dalam kegiatan dakwah ajaran Islam dan pengajian secara tradisional. Tokoh ini adalah Shaykh Abdul Halim. Shaykh Abdul Halim bukan penduduk asal negeri Kelantan, tetapi seorang yang berasal dari negara China. Beliau telah dihantar oleh Long Yunus ke Makkah untuk mendalami pengajian agama. Setelah kembali ke Kelantan, beliau dilantik oleh Sultan I (1801-1837) untuk menjadi penasihat agama. Shaykh Abdul Halim menjalankan kegiatan pengajarannya pada ketika itu dengan menggunakan kaedah lisan atau penyalinan semula kitab-kitab yang ditulis dengan tangan kerana pada zamannya kitab-kitab masih belum dicetak. Pada pertengahan abad ke-19 telah muncul seorang tokoh agamawan selepas Shaykh Abdul Halim iaitu Tok Pulai Condong yang lahir pada tahun 1792 Masihi yang juga merupakan guru bagi Tok Wan Ali Kutan.

Nama asal Tok Pulai Chondong ialah Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah bin Imam Hasyim yang berasal dari kampung Bira, Faṭānī. Ibunya bernama Wan Mek. Tok Pulai Chondong dilahirkan di Pulai Chondong pada tahun 1207 Hijrah (1792 Masihi). Pendidikan yang diterima oleh beliau bermula daripada ayah dan datuknya sendiri.

Selepas kembalinya beliau dari Makkah, Tok Pulai Chondong mula membuka kelas pengajiannya di kampung bilai Talib. Bertempat di surau inilah Tok Pulai Chondong mengembangkan ilmunya. Para pelajarnya terdiri daripada jauh dan dekat, semakin lama kawasan tempat pengajiannya dijadikan sebuah institusi pondok yang dipanggil Surau Pulai Chondong (Ismail Che Daud, 1988).

Selain dari Tok Pulai Chondong terdapat juga seorang agamawan pada ketika itu, iaitu Haji Yaakub, anak kepada Shaykh Abdul Halim. Selain itu, Tuan Tabal juga antara nama-nama yang disebut sebagai tokoh ulama Kelantan yang masyhur. Nama Tuan Tabal yang sebenarnya ialah Haji Abdul Samad bin Mohd Salleh. Beliau seorang ulama sufi yang beramal dengan ilmunya. Fasa permulaan pengajian Tuan tabal bermula dengan ulama yang berada di di kampungnya, kemudian pergi ke Besut untuk mempelajari ilmu agama. Kemuncaknya beliau belayar ke *Makkah al-Mukarramah* untuk mendalami ilmu agama. Ketika belajar di Makkah beliau belajar daripada Shaykh Sidī Ibrahim berkenaan ilmu Tasawuf melalui amalan *Tarīqat al-Ahmādiyyah*. Beliau turut menghasilkan beberapa karya yang bermanfaat seperti *Munabbih al-Ghāfilīn*, *Bi-Kifāyah al-<sup>c</sup>Awwām* dan lain-lain lagi (Nik Abdul Aziz Nik Hassan, 1983). Legasi keilmuan ulama terdahulu diteruskan dengan anak murid mereka hingga muncul satu peringkat ke satu peringkat ulama membuka pondok dan mengajar ilmu agama dan pada tahun 1837 Masihi disambung era kegiatan dakwah oleh Tok Wan Ali Kutan.

Kemunculan Tok Wan Ali Kutan yang juga merupakan tokoh ulama awal di Kelantan juga memberi satu sumbangan yang besar kepada dunia masyarakat Islam di nusantara khususnya di Kelantan. Pembangunan masyarakat oleh Tok Wan Ali Kutan secara langsung tidak berlaku kerana beliau menetap di Mekah. Namun, Tok Wan Ali Kutan meninggalkan warisan yang bermanfaat dalam mengembangkan proses ilmu supaya berkembang.

Warisan yang ditinggalkan oleh Tok Wan Ali Kutan ialah anak muridnya yang mewujudkan satu ketamadunan untuk masyarakat. Dalam penulisan artikel ini, penulis hanya memuatkan tiga orang anak murid Tok Wan Ali Kutan yang menjadi tokoh besar dalam mengembangkan ilmu agama Islam dan mempergiatkan kegiatan pembangunan ilmu kepada masyarakat ialah Tok Kenali, Shaykh Wan Sulaiman dan Dato Laksamana yang merupakan anak murid yang rapat dengan Tok Wan Ali Kutan.

### **Tok Kenali**

Tok Kenali adalah seorang tokoh besar yang menetap di Kelantan. Namanya harum disebut dalam dunia pengajian agama. Nama asal beliau adalah Muhammad Yusuf bin Ahmad. Dilahirkan di daerah Kubang Kerian, Kota Bharu pada 1870 Masihi. Pengajian awal Tok Kenali bermula di Kota Bharu, kemudian belayar ke Makkah untuk mendalami ilmu agama dengan beberapa orang ulama yang tersohor seperti Shaykh Ahmad al-Faṭānī, Shaykh Abū Bakr al-Shattā (pengarang kitab fiqah yang tersohor iaitu *l'ānat al-Tālibīn*) dan lain-lain.

Selama dua puluh tahun Tok Kenali belajar di Makkah, pada tahun 1909, Tok Kenali pulang ke Kelantan dan membuka pusat pengajian pondoknya di Kampung Paya, Kubang Kerian. Antara mata pelajaran yang beliau mengajar ialah linguistik Arab, akidah, tasawuf dan lain-lain. Selain itu, Tok Kenali juga berulang-alik ke masjid besar di Kota Bharu untuk mengetuai pengajian talaqqi dalam bidang Nahu. Setelah beberapa tahun selepas itu, Tok Kenali kembali menetap di Kampung Belukar untuk mempergiatkan lagi pengajian *turāth* kepada masyarakat. Kampus pemondokan yang masyhur itu kemudian dikenali dengan Pondok Kenali kerana berada di mukim kenali. Selain itu juga, Tok Kenali pengasas dalam penubuhan *Jāmi'at al-Asriyyah* dan ketua nazir bagi sukatan pelajaran di Masjid Muhammadi (Abdul Razak Mahmud 2017: 21-23).

Dalam hal pentadbiran pula, Tok Kenali juga seorang yang berwawasan. Beliau telah dipilih menjadi ahli mesyuarat Majlis Agama Islam Kelantan dan pengasas serta pengarang yang pertama dalam dunia penulisan Majalah Pengasuh pada tahun 1918. Kelantan ketika itu ditadbir oleh Menteri Besar Dato' Perdana Haji Nik Mahmud bin Ismail yang juga merupakan sahabat baik bagi Tok Kenali yang sama-sama belajar di Makkah

bersama Tok Wan Ali Kutan. Kehidupan sezaman antara dua tokoh itu telah mempergiatkan lagi sistem pentadbiran yang diresapi dengan budaya ilmu untuk memajukan negeri Kelantan dengan ilmu pengetahuan agama Islam. Tok Kenali dikenali dengan kealimannya dalam bidang tata Bahasa Arab dan Fiqah sentiasa ditanya oleh Dato' perdana jika terdapat kemusykilan selain mempunyai pandangan yang tajam jika melontarkan pandangan dalam bidang sosiologi dan siasah (Yusuff Zaky Yacob, 1988).

Legasi yang meneruskan perjuangan Tok Wan Ali Kutan ini secara langsung telah menggunakan buah fikiran dalam membangunkan pembangunan tamadun masyarakat di Kelantan dari dua segi, iaitu membuka pondok dan menjadi ahli dalam pentadbiran masyarakat ketika zamanya. Secara kasarnya, kita dapat merumuskan bahawasanya Tok Kenali telah mewujudkan satu gerakan tajdid kepada masyarakat yang mana ciri-cirinya ialah mengasaskan pengajian Nahu yang dapat memahami ayat dengan betul terhadap teks Arab, menjadi tokoh yang menjadi idola kepada masyarakat agar tidak mengeruhkan keadaan apabila menghadapi perbezaan pendapat, pertembungan ideologi antara ulama (kerana pada zamannya terdapat satu perbahasan jilatan anjing), dan menjalani kehidupan dengan cara kaum sufi yang mana tugas seorang ulama juga perlu mencampuri urusan pentadbiran dan masyarakat. Hasilnya, keilmuan Tok Kenali disambung oleh anak murid beliau seperti Shaykh Idris al-Marbāwī, Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payung, Shaykh Uthman Jalaludin dan lain-lain (Abdul Hayei Abdul Sukor 2003: 8-9).

### **Dato' Laksamana**

Selain Tok Kenali, terdapat lagi seorang tokoh yang juga anak murid Tok Wan Ali Kutan yang berjaya memajukan pentadbiran negeri Kelantan iaitu Dato' Laksamana. Nama sebenarnya adalah Haji Muhammad bin Muhammad Sa'īd Khatib. Beliau dilahirkan di Kota Bharu pada malam Khamis 30 Januari 1888 Masihi. Beliau sempat belajar dengan Tok Wan Ali Kutan ketika melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Setelah beberapa tahun belajar di Mekah dan Mesir, Dato' Laksamana telah pulang ke Kelantan untuk menabur bakti kepada tanah airnya.

Dato' Laksamana tidak membuka pondok seperti sahabat sepengajiannya tetapi melibatkan diri secara langsung dalam dunia pentadbiran politik, kemajuan agama dan menggubal undang-undang di negeri Kelantan. Beliau telah dilantik menjadi setiausaha negeri Kelantan. Selain itu, beliau telah memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran kemajuan ilmu dengan mendirikan *al-Madrasat al-Muhammadiyah*. Ketokohan beliau dalam bidang pentadbiran telah melonjakkan namanya untuk dilantik sebagai Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam pada 13 Ogos 1919 Masihi dan turut sama menjadi pengarang Majalah Pengasuh bersama-sama Tok Kenali (Ismail Awang, 1988).

### **Shaykh Wan Sulaiman**

Warisan ilmu yang ditinggal oleh Tok Wan Ali Kutan bukan sahaja terdiri daripada ulama yang berasal dari Kelantan, bahkan negeri-negeri lain yang berada di nusantara. Antara anak murid Tok Wan Ali Kutan yang menjadi tokoh besar dalam pembangunan masyarakat di Kedah ialah Shaykh Wan Sulaiman yang digelar (Shaykh al-Islām Kedah). Nama lengkapnya ialah Wan Sulaiman bin Wan Siddiq bin Wan Aman bin Wan Net bin Wan Su. Beliau dilahirkan pada tahun 1874 Masihi di kampung Mukim Padang Kerbau, Kedah. Beliau telah belajar dengan Tok Wan Ali Kutan semasa di Mekah. Setelah lebih sepuluh tahun belajar di Mekah, beliau telah kembali ke kampung asalnya untuk menyebarkan dakwahnya.

Antara tugas pertama yang beliau pegang selepas pulang ke Kedah ialah menjawat jawatan kadi, kadi besar dan terakhirnya Shaykh al-Islām Kedah. Antara sumbangan besarnya dalam pembangunan kepada masyarakat ialah dengan membangunkan masyarakat dengan proses ilmu iaitu dengan penubuhan sekolah yang masih beroperasi hingga hari ini iaitu Maktab Mahmud. Pada asal pembukaanya

dinamakan dengan madrasah *al-Hamīdiyyah* dan *Maḥad al-Mahmūd* (Wan Shaghir Abdullah, 2009).

Di atas adalah antara tiga orang tokoh yang terkemuka yang menjadi tokoh besar dalam masyarakat hasil daripada acuan madrasah Tok Wan Ali Kutan. Walaupun Tok Wan Ali Kutan tidak menubuhkan pusat pengajian, beliau telah berjaya melahirkan anak murid yang mewujudkan pembangunan ilmu kepada masyarakat dari segi ilmu dan sistem pentadbiran.

## **PENUTUP**

Berdasarkan sekelumit sejarah yang dinyatakan dalam makalah ini, kita dapat mengambil manfaat bahawasanya semangat perjuangan Tok Wan Ali Kutan dalam menuntut ilmu dan menyebarkan pengetahuannya untuk masyarakat adalah satu perkara yang patut dipuji. Kehidupan yang ditempuhinya dalam mengembangkan ajaran Islam kepada masyarakat hendaklah dicontohi oleh masyarakat sekarang.

Beliau merupakan seorang ulama yang gigih sehingga melahirkan tokoh ulama yang dapat membangunkan masyarakat dengan ilmu agar tidak terpesong jauh daripada ajaran agama yang sebenar. Hasil peninggalan tulisan beliau masih digunakan hingga ke hari. Dengan jasa dan sumbangan yang telah ditinggalkan oleh Tok Wan Ali Kutan kepada masyarakat hari ini, diharapkan kepada kita semua agar tidak melupakan asal usul ulama tradisi serta mengakui ketokohnya yang banyak menabur jasa kepada masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hayei Abdul Sukor. 2003. *Sumbangan Tok Kenali Kepada Gerakan Tajdid Islam di Kelantan*. Vol. 1. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abdul Karim Ali, Baharom Kassim. 2006. *Tinta & Minda Abdul Ghani Samsudin Mengenai Islam, Ulama & Umara*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Razak Mahmud. 2002. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abdul Razak Mahmud. 2017. *Biografi Singkat 40 Ulama' Terpilih Negeri Kelantan*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- al-Faṭānī, Ahmad Fathy. 2002. *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che' Razi Jusoh. 2010. *Tradisi Penulisan Kitab Sharah Dalam Kerangka Akidah Ashā'irah: Rujukan Khusus Kepada Kitab-kitab Syarah Melayu*. 20-22 Julai: 1-20.
- Ismail Awang. 1988. Dato' Laksamana (1888-1939). Dlm. Ismail Che Daud (pnyt). *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Hlm. 221-224-225. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Che Daud. 1988. Tok Pulai Chondong (1792-1873). Dlm. Ismail Che Daud (pnyt). *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Hlm. 43-45. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Muhammad Ali Abdul Rahman. T.t. *Lumḥat al-Awrād*. Kota Bharu.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan. 1997. *Sejarah Perkembangan Ulama kelantan*. Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal Kota Bharu Kelantan.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan. 1983. Islam di Kelantan. Dlm. Nik Abdul Aziz Nik Hassan (pnyt). *Lima Orang Tokoh Ulama di Negeri Kelantan (1860-1940)*. Hlm. 22, 25. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1987. Sejarah Kelantan Sebelum Long Yunus-Satu Gambaran Umum. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt). *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia*. Hlm. 11. Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar.
- Yusuff Zaky Yacob. 1988. Tok Kenali (1868-1933). Dlm. Ismail Che Daud (pnyt). *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Hlm. 121,124, 131-132. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

- Wan Shaghir Abdullah. 2016. *Katalog Karya Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Shaghir Abdullah. 2015. *Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Shaghir Abdullah. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara Jilid I Artikel Bersiri Akhbar Utusan Malaysia Tahun 2004*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*